

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ**  
**[ TANAH MERAH ]**

**TARIKH** : **23 MEI 2016 (ISNIN)**

**SOALAN** :

**Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak ditubuhkan apakah kejayaan yang dicapai oleh Pasukan Pemulihan Hasil Negara (NRRET) Jabatan Peguam Negara dan sejauh manakah pasukan ini berkesan dalam usaha membanteras ketirisan dan penyelewengan wang Kerajaan.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Pasukan Penguatkuasa Pemulihan Hasil Negara (*National Revenue Recovery Enforcement Team*) (NRRET) ialah nama baru Pasukan Petugas Khas yang ditubuhkan sejak Mac 2011 bagi menyelaraskan pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang secara bersepadu oleh pelbagai agensi penguatkuasaan dalam menangani isu-isu berhubung dengan:

- (i) pelarian cukai individu dan korporat dan duti kastam;
- (ii) aktiviti penyeludupan;
- (iii) penyalahgunaan barangan bersubsidi;
- (iv) pengaliran wang keluar secara haram; dan
- (v) rasuah yang berkaitan dengan perkara-perkara di atas.

2. Gandingan dan kolaborasi erat antara anggota NRRET yang terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Bank Negara Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Jabatan Audit Negara dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia bukan sahaja dapat membantu Kerajaan menangani isu ketirisan pendapatan Negara malahan membantu Kerajaan menangani isu jenayah seperti penyeludupan, pengubahan wang haram dan rasuah dengan lebih berkesan.

3. Sejak penubuhannya, NRRET telah berjaya membantu kerajaan dalam menangani aktiviti penyeludupan arak dan rokok, pelarian cukai dan pengelakan duti kastam serta pemindahan wang keluar negara secara haram. Kejayaan ini secara langsung telah memberi impak yang besar kepada Negara dengan penambahan hasil pendapatan Negara lebih daripada RM150 billion dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini.

4. Secara khususnya, melalui tindakan penguatkuasaan yang diketuai dan diselaraskan oleh NRRET dari tahun 2011 sehingga 2015, sebanyak lebih RM700 juta telah berjaya dikutip daripada kes yang melibatkan pelarian cukai dan duti yang terkurang bayar.

5. Operasi penguatkuasaan bersepadu yang dijalankan secara bersama oleh NRRET dengan KPDNKK pada tahun 2014 berhubung dengan aktiviti penyelewengan dan penyalahgunaan subsidi diesel dan gas telah berjaya menyelamatkan kehilangan subsidi Kerajaan bernilai RM420 juta.

6. Keberkesanaan operasi bersepadu yang dilaksanakan oleh NRRET turut diakui oleh *Financial Action Task Force* (FATF), iaitu suatu badan antarabangsa yang dianggotai oleh 35 negara dan 2 pertubuhan serantau yang berfungsi untuk memeriksa, membangunkan serta mencadangkan dasar serta tindakan dalam membendung aktiviti pengubahan wang haram serta pembiayaan keganasan di peringkat antarabangsa. Dalam Laporan Penilaian Bersama (*Mutual Evaluation Report*) yang dijalankan ke atas Malaysia pada September 2015, FATF mengakui NRRET berjaya dalam pelaksanaannya membanteras pelarian cukai dan aktiviti penyeludupan. Susulan daripada Laporan tersebut, pada bulan Februari 2016, FATF telah meluluskan dan menerima Malaysia sebagai anggotanya.

Sekian, terima kasih.